



PEMBANGUNAN KIT *E-MUḤĀDATHAT* DALAM
MENINGKATKAN KESEDIAAN PELAJAR
UPSI UNTUK BERKOMUNIKASI
DALAM BAHASA ARAB



SITI RAHMAH BTE BORHAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2025



PEMBANGUNAN KIT *E-MUḤĀDATHAT* DALAM MENINGKATKAN
KESEDIAAN PELAJAR UPSI UNTUK BERKOMUNIKASI
DALAM BAHASA ARAB

SITI RAHMAH BTE BORHAM

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11 Mac 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya, **SITI RAHMAH BTE BORHAM, P20201000481, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PEMBANGUNAN KIT *E-MUḤĀDATHAT* DALAM MENINGKATKAN KESEDIAAN PELAJAR UPSI UNTUK BERKOMUNIKASI DALAM BAHASA ARAB** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. SAIPOLBARIN BIN RAMLI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBANGUNAN KIT *E-MUḤĀDATHAT* DALAM MENINGKATKAN KESEDIAAN PELAJAR UPSI UNTUK BERKOMUNIKASI DALAM BAHASA ARAB** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN BAHASA ARAB)**.

11 Mac 2025

Tarikh

ASSOC. PROF. DR. SAIPOLBARIN BIN RAMLI

Arabic Language Senior Lecturer
Faculty of Languages & Communication
Sultan Idris Education University



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk/Title : **PEMBANGUNAN KIT *E-MUHĀDATHAṬ* DALAM MENINGKATKAN
KESEDIAAN PELAJAR UPSI UNTUK BERKOMUNIKASI DALAM
BAHASA ARAB**

No. Matrik /Matric's No. : **P20201000481**

Saya / I : **SITI RAHMAH BTE BORHAM**

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


ASSOC.PROF.DR.SAIPOLBARIN BIN RAMLI
Arabic Language Senior Lecturer
Faculty of Languages & Communication
(Tandatangan Penyele / Signature of Supervisor
& (Nama & Con Rasm / Name & Official Stamp)

Tarikh: **11 Mac 2025**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas segala izinNya tesis ini dapat disempurnakan sebagai syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Bahasa Arab), UPSI. Selawat dan salam buat Rasulullah SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta seluruh muslimin dan muslimat. Sekalung penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih dirakamkan buat penyelia utama Prof. Madya Dr. Saipolbarin Bin Ramli dan penyelia bersama Dr. Mohammad Taufiq Bin Abdul Ghani atas kesabaran, sokongan, bimbingan dan ilmu yang dicurahkan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Semoga Allah memberi ganjaran yang terbaik buat keduanya di dunia dan akhirat. Kejayaan ini juga merupakan hadiah istimewa buat keluarga tercinta atas pengorbanan, motivasi pembakar semangat dan doa yang tidak putus-putus buat diri ini, bonda Hj. Hamidah Bt Haji Salleh dan arwah ayahanda tercinta (Allahyarham Hj. Borham Bin Busro-Al-fatihah), ibu mertua Hj. Sarah Bt Hj. Zakaria, suami Ammar Bin Mohd Amin dan hero heroin kecil ummi tersayang Affan Shatibi, Muhammad Afham, Anis Nur Afaf, Aulia Maisarah yang sentiasa bersabar memahami tugas ummi sebagai pelajar, keluarga saya dan keluarga Al-Amin. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS), Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI, para pensyarah di Jabatan Bahasa Arab, FBK, responden pelajar di UPSI, UM, UPM, UiTM dan UniSZA, panel pakar Bahasa Arab, Reka Bentuk Pengajaran Teknologi dan bidang umum selaku pakar penilai dan responden kajian, pereka bentuk aplikasi (Nurziaty Nordin) dan pembangun aplikasi (Getto Faizal), ilustrator animasi, model audio rakaman serta sekumpulan enumerator kajian yang komited memberikan komitmen sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak dilupakan juga penghargaan buat penaja kajian ini iaitu Zakat Wakalah Dana Asy-Syakirin 2 - PETRONAS, Tabung Kebajikan Pelajar (JHEPA), peruntukan IPS-FBK dan *Research Management and Innovation Centre* (RMIC), UPSI yang telah memberikan dana dan peruntukan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Akhir kata, ribuan terima kasih buat sahabat seperjuangan Pascasiswazah UPSI, sahabat-sahabat We4U, UKM, UIAM, di Johor dan Perak atas kata-kata semangat, doa dan bantuan yang dihulurkan sepanjang penulisan tesis ini diselesaikan. Semoga usaha kecil ini diredhai Allah, menjadi jariah kelak dan wadah ilmu buat pencinta bahasa Al-Quran. In shā Allah. Amīn.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan kit media pendidikan (kit *E-Muḥādathaṭ*) untuk pembelajaran komunikasi bahasa Arab, mengenal pasti kebolegunaan dan keberkesannya terhadap kesediaan untuk berkomunikasi (KUB) dalam bahasa Arab. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen terhadap 34 pelajar sebagai responden daripada Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang dipilih melalui teknik pensampelan rawak mudah, dan 13 responden pakar dari pelbagai bidang bagi menilai kebolegunaan kit *E-Muḥādathaṭ* berdasarkan teknik *Fuzzy Delphi*. Data dikumpulkan menggunakan instrumen praujian, pasca ujian, soal selidik kebolegunaan kit, dan dianalisis menggunakan analisis deskriptif, ujian-t, dan teknik *Fuzzy Delphi*. Hasil analisis menunjukkan bahawa kit *E-Muḥādathaṭ* berkesan dalam meningkatkan KUB bahasa Arab pelajar, dengan perbezaan yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan ($p=0.000$). Selain itu, hasil dari teknik *Fuzzy Delphi* menunjukkan bahawa 13 item dalam kit mencapai konsensus pakar melebihi 75%, iaitu antara 77%-100%, dengan nilai ambang di bawah 0.2 ($d=0.066-0.186$) dan skor *Fuzzy* (A) melebihi 0.5 ($\alpha\text{-cut}=0.790-0.885$). Kesimpulannya, penggunaan kit media pendidikan (Kit *E-Muḥādathaṭ*) untuk pembelajaran komunikasi bahasa Arab berpotensi meningkatkan KUB bahasa Arab dalam kalangan pelajar pengkhususan Bahasa Arab, UPSI. Kajian ini memberi implikasi positif kepada pedagogi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab di Universiti Awam dan khususnya di UPSI. Kajian ini juga memberikan panduan praktikal bagi pembangunan kit media yang berkesan untuk pembelajaran komunikasi bahasa Arab pada peringkat universiti bagi menggalakkan pembelajaran sendiri yang interaktif dan berpusatkan pelajar.



THE DEVELOPMENT OF AN E-MUHĀDATHAT KIT IN ENHANCING UPSI STUDENTS' WILLINGNESS TO COMMUNICATE IN ARABIC LANGUAGE

ABSTRACT

This study aims to develop an educational media kit (the E-Muḥādathat kit) for learning Arabic communication skills and to assess its usability and effectiveness on students' willingness to communicate (WTC) in Arabic. This study employed a quasi-experimental design involving 34 respondents from the Bachelor's Degree Programme in Arabic with Education at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), selected through simple random sampling, as well as 13 experts from various fields to evaluate the usability of the E-Muḥādathat kit using the Fuzzy Delphi technique. Data were collected using pre-test and post-test instruments, a usability questionnaire, and analyzed through descriptive analysis, t-tests, and the Fuzzy Delphi technique. The results show that the E-Muḥādathat kit is effective in improving students' WTC in Arabic, with a significant difference between the control and treatment groups ($p=0.000$). Furthermore, the results from the Fuzzy Delphi technique show that 13 items reached expert consensus above 75%, ranging from 77%-100%, with threshold values below 0.2 ($d=0.066-0.186$) and Fuzzy scores (A) exceeding 0.5 ($\alpha\text{-cut}=0.790-0.885$). In conclusion, the use of the E-Muḥādathat educational media kit for Arabic communication learning has the potential to improve UPSI students' WTC in Arabic language. This study has positive implications for the pedagogy of Arabic teaching and learning in public university, particularly at UPSI. It also provides practical guidance for developing effective media kits for Arabic communication learning at the university level, encouraging self-directed, interactive, and student-centred learning.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxvi
PANDUAN TRANSLITERASI	xxvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Persoalan Kajian	16
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	18
1.8 Batasan Kajian	24
1.9 Definisi Operasional	27



1.10 Rumusan	34
--------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	36
2.2 Teori dan Reka Bentuk Pengajaran	37
2.2.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme	38
2.2.2 Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia	42
2.2.2.1 Prinsip Multimedia	44
2.2.3 Teori Kesediaan untuk Berkomunikasi/KUB	51
2.2.3.1 Model Heuristik WTC	52
2.2.3.2 Teori Situasi KUB B2 (Kang, 2005)	56
2.2.4 Reka Bentuk Pengajaran Model ADDIE	58
2.2.5 Rasional Pemilihan Teori dan Reka Bentuk Pengajaran	63
2.2.6 Kerangka Teori Kajian	65
2.3 Pendidikan Bahasa Arab di IPT Malaysia	66
2.4 PdP Kemahiran Komunikasi Bahasa Arab	70
2.4.1 Kajian PdP Komunikasi Bahasa Arab Dalam Negara	75
2.4.2 Kajian PdP Komunikasi Bahasa Arab Luar Negara	83
2.4.3 Hubung Kait Kajian PdP Komunikasi Bahasa Arab	89
2.5 PdP Bahasa Arab Berasaskan Teknologi/Multimedia	90
2.5.1 Kajian PdP Bahasa Arab Berasaskan Teknologi/Multimedia Dalam Negara	92
2.5.2 Kajian PdP Bahasa Arab Berasaskan Teknologi/Multimedia Luar Negara	100
2.5.3 Hubung Kait Kajian PdP Bahasa Arab Berasaskan Teknologi/Multimedia	108

2.6 Kesan Strategi Pembelajaran Bahasa terhadap Pencapaian Pelajar	110
2.7 Kebolegunaan BBM dalam PdP Bahasa Kedua	116
2.8 Hubung Kait Kajian Kesan Strategi Pembelajaran dan Kebolegunaan BBM Bahasa Kedua	120
2.9 Pembelajaran Berasaskan Kit Media	121
2.9.1 Kit Media dalam Pembelajaran Bahasa Arab	123
2.9.2 Kesan Pembelajaran Kit Media terhadap Pencapaian Pelajar	129
2.9.3 Jurang Kajian Kit Media Bahasa Arab	138
2.10 Rumusan	140

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	142
3.2 Reka Bentuk Kajian	143
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	145
3.3.1 Teknik Pensampelan	146
3.3.2 Saiz Sampel Kajian	149
3.4 Instrumen Kajian	151
3.4.1 Soal Selidik	152
3.4.1.1 Soal Selidik Analisis Keperluan	153
3.4.1.2 Soal Selidik Kesahan Kit (Pakar)	154
3.4.1.3 Soal Selidik Kebolegunaan Kit (Pakar)	156
3.4.2 Temu Bual Separa Berstruktur	157
3.4.3 Praujian dan Pascaujian	158
3.5 Kajian Rintis	161
3.5.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	162

3.5.1.1 Kesahan Muka	163
3.5.1.2 Kesahan Kandungan	168
3.5.1.3 Kesahan Konstruk dan Kebolehpercayaan Model Rasch	176
3.5.1.4 Kebolehpercayaan Praujian dan Pascaujian	185
3.5.2 Pengujian Prototaip	187
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	188
3.6.1 Pengumpulan Data Fasa Analisis Keperluan	188
3.6.2 Pengumpulan Data Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	189
3.6.3 Pengumpulan Data Fasa Pelaksanaan	190
3.6.4 Pengumpulan Data Temu Bual Separa Berstruktur	192
3.7 Kawalan Faktor Luaran atau Isu Kesahan Dalam	192
3.8 Penganalisan Data	197
3.8.1 Statistik Deskriptif	197
3.8.2 Ujian-t	198
3.8.3 Teknik <i>Delphi</i>	199
3.8.3.1 Teknik <i>Fuzzy Delphi</i>	205
3.8.3.2 Kekuatan Teknik <i>Fuzzy Delphi</i>	212
3.8.4 Deskriptif dan Tematik	214
3.9 Kerangka Konseptual Kajian	215
3.10 Etika Penyelidikan Manusia	219
3.11 Rumusan	220

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	221
----------------	-----



4.2	Dapatan Kajian Keperluan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i> terhadap KUB Bahasa Arab Pelajar	223
4.2.1	Penyaringan Data	223
4.2.2	Maklumat Demografi Pelajar (Analisis Keperluan)	228
4.2.3	Keperluan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	229
4.2.4	Minat untuk Bertutur dalam Bahasa Arab	233
4.2.5	Keyakinan Berkomunikasi dalam Bahasa Arab	235
4.2.6	KUB Pelajar dalam Bahasa Arab	236
4.2.7	Jenis/Teknik Pembelajaran Komunikasi Arab	238
4.2.8	Keperluan Tugas/Latihan Komunikasi Arab	239
4.2.9	Ringkasan Dapatan Analisis Keperluan (Pelajar)	244
4.3	Dapatan Kajian Pandangan Pakar terhadap Keperluan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	245
4.3.1	Maklumat Demografi Pakar (Analisis Keperluan)	246
4.3.2	Pandangan Pakar terhadap Keperluan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	248
4.3.3	Pandangan Pakar terhadap Minat Pelajar untuk Bertutur Arab	255
4.3.4	Pandangan Pakar terhadap Keyakinan Pelajar Berkomunikasi Arab	257
4.3.5	Pandangan Pakar terhadap KUB Pelajar dalam Bahasa Arab	263
4.3.6	Ringkasan Dapatan Temu Bual Separa Berstruktur (Pakar)	268
4.4	Dapatan Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	270
4.4.1	Reka Bentuk Pengajaran dan Teknologi	271
4.4.2	Reka Bentuk dan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	273
4.4.2.1	Fasa Analisis	274





4.4.2.2 Ringkasan Fasa Analisis	280
4.4.2.3 Fasa Reka Bentuk	281
4.4.2.4 Ringkasan Fasa Reka Bentuk	310
4.4.2.5 Fasa Pembangunan	311
4.4.2.6 Ringkasan Fasa Pembangunan	324
4.4.2.7 Fasa Pelaksanaan	325
4.4.2.8 Ringkasan Fasa Pelaksanaan	330
4.4.2.9 Fasa Penilaian	331
4.4.2.10 Hasil Prototaip (Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>)	348
4.4.3 Ringkasan Dapatan Reka Bentuk dan Pembangunan	359
4.5 Dapatan Kajian Penilaian Kebolegunaan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i> terhadap KUB Bahasa Arab Pelajar	360
4.5.1 Maklumat Demografi Pakar (Kebolegunaan)	361
4.5.2 Kebolegunaan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i> Berdasarkan Teknik <i>Fuzzy Delphi</i>	362
4.5.3 Ringkasan Dapatan Penilaian Kebolegunaan	366
4.6 Dapatan Kajian Penilaian Keberkesanan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i> terhadap KUB Bahasa Arab Pelajar	366
4.6.1 Penyaringan Data	367
4.6.2 Ujian Normaliti	369
4.6.3 Maklumat Demografi Pelajar (Keberkesanan)	371
4.6.4 Perbezaan Pencapaian KUB Bahasa Arab Pelajar	372
4.6.4.1 Perbezaan Pencapaian KUB Bahasa Arab Pelajar Berdasarkan Perbezaan Kaedah Pengajaran	373
4.6.5 Ringkasan Pengujian Hipotesis Kajian	377
4.6.6 Ringkasan Dapatan Penilaian Keberkesanan	378



4.7	Rumusan	379
BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	382
5.2	Perbincangan	383
5.2.1	Analisis Keperluan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	384
5.2.2	Pandangan Pakar terhadap Keperluan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	390
5.2.3	Reka Bentuk dan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	393
5.2.4	Kebolegunaan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i> terhadap KUB Bahasa Arab Pelajar	403
5.2.5	Keberkesanan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i> terhadap KUB Bahasa Arab Pelajar	407
5.3	Rumusan Kajian	409
5.4	Implikasi Kajian	413
5.4.1	Implikasi terhadap Pedagogi Bahasa Arab	413
5.4.2	Implikasi terhadap Pelajar Bahasa Arab	415
5.4.3	Implikasi terhadap Guru dan Pensyarah Bahasa Arab	418
5.4.4	Implikasi terhadap Universiti/Institusi	420
5.5	Novelti Kajian	422
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	423
5.7	Kesimpulan	426
RUJUKAN		429
LAMPIRAN		470



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1	Garis Panduan Teori Situasi L2 WTC (Kang, 2005) 58
3.1	Reka Bentuk Pra-Pascaujian Tidak Setara 145
3.2	Ringkasan Sampel Kajian 146
3.3	Pembinaan Soal Selidik Analisis Keperluan 154
3.4	Pembinaan Soal Selidik Kesahan Kit (Pakar) 155
3.5	Pembinaan Soal Selidik Kebolehgunaan Kit (Pakar) 156
3.6	Soalan Temu Bual Separa Berstruktur 157
3.7	Pembinaan Soalan Praujian dan Pascaujian 160
3.8	Nilai CVI Kesahan Muka Soal Selidik Analisis Keperluan 164
3.9	Nilai CVI Kesahan Muka Soal Selidik Kesahan Kit (Pakar) 165
3.10	Nilai CVI Kesahan Muka Kandungan Pembelajaran Kit 166
3.11	Nilai CVI Kesahan Muka Soal Selidik Kebolehgunaan Kit (Pakar) 166
3.12	Nilai CVI Kesahan Muka Praujian dan Pascaujian 167
3.13	Nilai CVI Kesahan Kandungan Soal Selidik Analisis Keperluan 169
3.14	Nilai CVI Kesahan Kandungan Soal Selidik Kesahan Kit (Pakar) 170
3.15	Nilai CVI Kesahan Kandungan bagi Kandungan Pembelajaran Kit 171
3.16	Nilai CVI Kesahan Kandungan Soal Selidik Kebolehgunaan Kit (Pakar) 172
3.17	Nilai CVI Kesahan Kandungan Praujian dan Pascaujian 174
3.18	Penambahbaikan Instrumen Sebelum dan Selepas Penilaian (Pakar) 175
3.19	Huraian Julat <i>Infit</i> dan <i>Outfit</i> MNSQ 178





3.20	Tafsiran Nilai Skor <i>Cronbach Alpha</i> (α)	183
3.21	Kebolehpercayaan Praujian dan Pascaujian	186
3.22	Ringkasan Kelebihan dan Kekurangan Teknik <i>Delphi</i>	204
3.23	Profil Pakar Teknik <i>Fuzzy Delphi</i>	208
3.24	Skala <i>Fuzzy</i> Tujuh Mata	209
3.25	Butiran Penganalisan Data Kajian	214
4.1	Pengawalan Data Hilang (Analisis Keperluan)	224
4.2	Pengawalan Data <i>Outliers</i> (Analisis Keperluan)	226
4.3	Ujian Normaliti <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> (Analisis Keperluan)	227
4.4	Maklumat Demografi Pelajar (Analisis Keperluan)	229
4.5	Interpretasi Nilai Skor M Dapatan Kajian	230
4.6	Interpretasi Nilai Skor S.P. Dapatan Kajian	231
4.7	Keperluan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathat</i>	232
4.8	Minat Bertutur dalam Bahasa Arab	234
4.9	Keyakinan Berkomunikasi dalam Bahasa Arab	236
4.10	KUB Pelajar dalam Bahasa Arab	237
4.11	Jenis/Teknik Pembelajaran Kemahiran Komunikasi Arab	239
4.12	Keperluan Tugas/Latihan Komunikasi Arab	240
4.13	Maklumat Demografi Pakar (Analisis Keperluan)	247
4.14	Ringkasan Dapatan Temu Bual Separa Berstruktur (Pakar)	269
4.15	Model Reka Bentuk Pengajaran	272
4.16	Spesifikasi Perkakasan	317
4.17	Adaptasi Teori Situasi L2 WTC dalam Modul Pembelajaran	319
4.18	Kawalan Isu Kesahan Dalaman	329
4.19	Maklumat Demografi Pakar (Penilaian Prototaip)	334





4.20	Ulasan dan Cadangan Pakar Berkaitan Reka Bentuk Pengajaran	335
4.21	Maklumat Demografi Pelajar (Penilaian Prototaip)	340
4.22	Ulasan dan Cadangan Pelajar Berkaitan Penilaian Prototaip	341
4.23	Penambahbaikan Prototaip Kit I Sebelum dan Selepas Penilaian (Pakar)	346
4.24	Maklumat Demografi Pakar (Kebolegunaan Kit)	361
4.25	Konsensus Pakar (Kajian Kebolegunaan Kit)	365
4.26	Pengawalan Data Hilang (Kajian Keberkesanan Kit)	368
4.27	Ujian Normaliti <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> (Kajian Keberkesanan Kit)	369
4.28	Maklumat Demografi Pelajar (Kajian Keberkesanan Kit)	372
4.29	Dapatan Perbezaan Skor Praujian Pelajar Kumpulan Kawalan dan Rawatan	375
4.30	Dapatan Perbezaan Skor Praujian dan Pascaujian Pelajar Kumpulan Kawalan	375
4.31	Dapatan Perbezaan Skor Praujian dan Pascaujian Pelajar Kumpulan Rawatan	376
4.32	Dapatan Perbezaan Skor Pascaujian Pelajar Kumpulan Rawatan dan Kawalan	377
4.33	Ringkasan Dapatan Pengujian Hipotesis Kajian	378





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Adaptasi Teori Pembelajaran Konstruktivisme	42
2.2 Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia/TKPM	44
2.3 Model Heuristik WTC	56
2.4 Reka Bentuk Pengajaran Model ADDIE	60
3.1 Pensampelan 1	147
3.2 Pensampelan 2	148
3.3 Pensampelan 3	148
3.4 Pensampelan Kajian	149
3.5 Nilai Polariti Item Instrumen Analisis Keperluan	177
3.6 Kesesuaian Item Instrumen Analisis Keperluan	180
3.7 Unidimensi Instrumen Analisis Keperluan	181
3.8 Nilai Kolerasi Residual Terpiawai Instrumen Analisis Keperluan	182
3.9 Kebolehpercayaan dan Nilai Pengasingan Responden	184
3.10 Kebolehpercayaan dan Nilai Pengasingan Item	184
3.11 Prosedur Pengumpulan Data Analisis Keperluan	189
3.12 Prosedur Pengumpulan Data Reka Bentuk & Pembangunan	190
3.13 Prosedur Pengumpulan Data Pelaksanaan (Pakar)	191
3.14 Prosedur Pengumpulan Data Pelaksanaan (Pelajar)	191
3.15 Prosedur Pengumpulan Data Temu Bual Separa Berstruktur (Pakar)	192
3.16 Nilai <i>Triangular Fuzzy Number</i>	206
3.17 Kerangka Konseptual Kajian	218





4.1	Histogram Taburan Normal (Analisis Keperluan)	227
4.2	Ringkasan Tema Keperluan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathat</i>	246
4.3	Pandangan Pakar terhadap Keperluan Pembangunan Kit <i>E-Muḥādathat</i>	254
4.4	Pandangan Pakar terhadap Minat Pelajar untuk Bertutur Arab	257
4.5	Pandangan Pakar terhadap Keyakinan Pelajar Berkomunikasi Arab	262
4.6	Pandangan Pakar terhadap KUB/WTC Pelajar dalam Bahasa Arab	267
4.7	Prosedur Fasa Analisis	281
4.8	Carta Alir Pengenalan Prototaip	289
4.9	Carta Alir <i>E-Dawrah</i> & <i>E-Tamrīn</i>	290
4.10	Carta Alir <i>E-Lu'bah</i> & <i>E-Qāmūs</i>	291
4.11	Carta Alir <i>E-Ijtimā'iy</i>	292
4.12	Skrin Mula	293
4.13	Pilihan Terjemahan	294
4.14	Menu Utama	294
4.15	Pengenalan <i>E-Dawrah</i>	295
4.16	Silibus <i>E-Dawrah</i>	296
4.17	Simulasi Dialog Ammar	297
4.18	Simulasi Dialog Aqilah	297
4.19	<i>E-Tamrīn</i>	298
4.20	Papan Skor	298
4.21	<i>E-Lu'bah</i>	299
4.22	<i>E-Qāmūs</i>	300
4.23	<i>E-Ijtimā'iy</i>	300
4.24	Adaptasi Prinsip Pembahagian	302





4.25	Adaptasi Prinsip Multimedia	303
4.26	Adaptasi Prinsip Hubungan Jarak	304
4.27	Adaptasi Prinsip Hubungan Masa	305
4.28	Adaptasi Prinsip Kesepaduan	306
4.29	Adaptasi Prinsip Keperibadian	307
4.30	Prosedur Fasa Reka Bentuk	311
4.31	Manual Pengguna	321
4.32	Prosedur Fasa Pembangunan	325
4.33	Prosedur Fasa Pelaksanaan	331
4.34	Muka Depan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	349
4.35	Paparan Skrin Terjemahan	350
4.36	Paparan Skrin <i>Details</i>	350
4.37	Menu Utama Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	351
4.38	Rancangan PdP Kursus <i>E-Dawrah</i>	352
4.39	Silibus Kursus <i>E-Dawrah</i>	353
4.40	Paparan Skrin Dialog	354
4.41	Paparan Skrin <i>E-Tamrīn</i>	355
4.42	Paparan Papan Skor	355
4.43	Paparan Skrin <i>E-Lu'bah</i>	356
4.44	Paparan Skrin <i>E-Qāmūs</i>	357
4.45	Paparan Skrin <i>E-Ijtimā'iy</i>	358
4.46	Data Korpus Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>	359
4.47	Histogram (Praujian)	370
4.48	Histogram (Pascaujian)	370





SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
ADDIE	<i>Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation</i>
AI	<i>Artificial Intelligence</i>
ANCOVA	<i>Analysis of Covariance</i>
API	<i>Application Programming Interface</i>
APK	<i>Android Package Kit</i>
AR	<i>Augmented Reality</i>
ARCS	<i>Attention, Relevance, Confidence, Satisfaction</i>
A.S.	‘Alaihi al-Salām
ASSURE	<i>Analyze, State, Select, Utilize, Require, Evaluation</i>
BASM	Bahasa Arab Standard Modern
BAUKI	Bahasa Arab untuk Kewangan Islam
BAUM	Bahasa Arab untuk Muamalat
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BI	Bahasa Inggeris
BM	Bahasa Melayu
CEFR	<i>Common European Framework of Reference for Languages</i>
COVID-19	<i>Corona Virus Disease 2019</i>
CPU	<i>Central Processing Unit</i>
CTML	<i>Cognitive Theory of Multimedia Learning</i>
CVI	<i>Content Validity Index</i>
DPD	Dasar Pendidikan Digital





EAB	Emiriah Arab Bersatu
EFL	<i>English as a Foreign Language</i>
ESL	<i>English as a Second Language</i>
FDM	<i>Fuzzy Delphi Method</i>
FPTV	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
GJU	<i>German Jordanian University</i>
ICT	<i>Information, Communication and Technology</i>
ID	<i>Instructional Design</i>
IDF	<i>Interaction Design Foundation</i>
ILE	<i>Intelligent Learning Environment</i>
IOS	<i>iPhone Operating System</i>
IoT	<i>Internet of Things</i>
IP	<i>International Posture</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPS	Institut Pengajian Siswazah
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
ISD	<i>Instructional System Design</i>
ISM	Ijazah Sarjana Muda
JKEPU	Jawatankuasa Etika Penyelidikan
KBA	Kemahiran Bahasa Arab
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KDBA	Kelab Debat Bahasa Arab
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia





KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KUB	Kesediaan untuk Berkomunikasi
KUB B2	Kesediaan untuk Berkomunikasi dalam Bahasa Kedua
KUIPs	Kolej Universiti Islam Perlis
KUIPSAS	Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
KUIS	Kolej Universiti Islam Selangor
L1	<i>First Language</i>
L2	<i>Second Language</i>
LMS	<i>Learning Management System</i>
M	Min
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MNSQ	<i>Mean Square</i>
MOOC	<i>Massive Open Online Course</i>
MQA	<i>Malaysian Qualifications Agency</i>
MTA	<i>Mobile Typing Apps</i>
NGT	<i>Nominal Group Technique</i>
NLP	<i>Natural Language Processing</i>
NTNU	<i>Norwegian University of Science and Technology</i>
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PBG	Pembelajaran Berpusatkan Pensyarah/Guru
PBL	<i>Project-Based Learning</i>
PBP	Pembelajaran Berpusatkan Pelajar
PBPDT	Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam Talian
PCA	<i>Principal Component Analysis</i>
PDF	<i>Portable Document Format</i>





PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PhD	<i>Doctor of Philosophy</i>
PNG	<i>Portable Network Graphic</i>
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PTME Corr.	<i>Point-Measure Correlation Coefficient</i>
RI 4.0	Revolusi Industri 4.0
R&D	<i>Research and Development</i>
SAC	<i>Smart Apps Creator</i>
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SLA	<i>Second Language Acquisition</i>
SLK	<i>Self-Learning Kit</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
S.P.	Sisihan Piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STI	Sains, Teknologi dan Inovasi
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SWT	Subhānahu Wa Ta'ālā
TALL	<i>Technology-Assisted Language Learning</i>
TAM	<i>Technology Acceptance Model</i>
TELL	<i>Technology-Enhanced Language Learning</i>
TKPM	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia
TPR	<i>Total Physical Response</i>





TUP	<i>Technology, Usability, Pedagogy</i>
UA	Universiti Awam
UAE	<i>United Arab Emirates</i>
UI	<i>User Interface</i>
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UIN	Universiti Islam Negeri
UIS	Universiti Islam Selangor
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UniSHAMS	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
UNISSA	Universiti Sultan Sharif Ali
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USAS	Universiti Sultan Azlan Shah
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USU	Universiti Sumatera Utara
UTAUT	<i>Unified Theory of Acceptance and Use of Technology</i>
UTHM	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
VLE	<i>Virtual Learning Environment</i>
VR	<i>Virtual Reality</i>





WTC	<i>Willingness to Communicate</i>
ZPD	<i>Zone of Proximal Development</i>
ZSTD	<i>Standardized Residuals</i>
2D	Dua dimensi
3D	Tiga dimensi
4D	Empat dimensi





SENARAI SINGKATAN

A	Instrumen Analisis Keperluan
B	Instrumen Temu Bual Pakar
C	Instrumen Kesahan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>
D	Instrumen Kebolegunaan Kit <i>E-Muḥādathaṭ</i>
E	Instrumen Keberkesanan Kit (Praujian)
F	Instrumen Keberkesanan Kit (Pascaujian)
G	Surat Kelulusan Etika Penyelidikan
H	Surat Lanjutan Etika Penyelidikan
I	Surat Kebenaran Penyelidikan
J	Surat Permohonan Kajian di FBK, UPSI
K	Contoh Surat Lantikan Pakar





PANDUAN TRANSLITERASI

A. KONSONAN¹

HURUF ARAB	BUNYI HURUF	TRANSLITERASI
ء	Hamzat	'
ب	Bā'	b
ت	Tā'	t
ث	Thā'	th
ج	Jīm	j
ح	Ḥā'	h
خ	Khā'	kh
د	Dāl	d
ذ	Dhāl	dh
ر	Rā'	r
ز	Zāy	z
س	Sīn	s
ش	Shīn	sh
ص	Ṣād	ṣ
ض	Ḍād	ḍ
ط	Ṭā'	ṭ
ظ	Ẓā'	ẓ
ع	'Ayn	'
غ	Ghayn	gh
ف	Fā'	f
ق	Qāf	q

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.





ك	Kāf	k
ل	Lām	l
م	Mīm	m
ن	Nūn	n
هـ	Hā'	h
و	Wāw	w
ي	Yā'	y
ة	Ta' Marbūṭaṭ	t

B. VOKAL PENDEK

TANDA BARIS ARAB (VOKAL PENDEK)	TRANSLITERASI
ـَ	Fathat a
ـِ	Kasrat i
ـُ	Dammat u

C. VOKAL PANJANG

TANDA BARIS ARAB (VOKAL PANJANG)	TRANSLITERASI
ـَـ	ā
ـِـ	ī
ـُـ	ū

D. DIFTONG

HURUF DIFTONG	TRANSLITERASI
اي	ay
او	aw





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Komunikasi merupakan aspek terpenting dalam memudahkan perhubungan sesama manusia dan memberikan pemahaman yang lebih baik, antara individu yang berlatar belakang budaya serta bahasa pertuturan yang berbeza. Komunikasi (kemahiran berbual/berdialog) atau dalam bahasa Arab disebut *Mahāraṭ al-Ittisāl* atau *Mahāraṭ al-Muḥādathaṭ* merujuk kepada kemampuan seseorang individu untuk berkata-kata dengan





fasih atau kebolehan untuk mempraktikkan bahasa Arab secara spontan (Siti Marpuah, 2019). Menurut Tu'aimat (2006), *al-Muḥādathat* melibatkan proses penyampaian maklumat yang saling berkaitan dengan elemen asas iaitu utusan (penyedia maklumat), penutur (penghantar maklumat), kaedah penyampaian (verbal atau bukan verbal) dan penerima (penerima maklumat). Kemahiran ini memerlukan penuturnya memiliki kecekapan komunikatif dalam bahasa kedua atau bahasa asing bagi mencapai objektif pembelajaran yang berkesan (Hmaid & Jannat, 2022).

Kecekapan berkomunikasi atau pertuturan menggunakan bahasa tertentu merupakan anugerah Allah SWT yang dikurniakan dan diajarkanNya kepada umat manusia sebagai alat perhubungan serta komunikasi antara manusia. Gambaran ini dijelaskan dalam firman Allah SWT melalui surah al-Rahmān (55: 1-4):



الرَّحْمَنُ ۝ عَلَّمَ الْقُرْآنَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ ۝ عَلَّمَهُ الْبَيَانَ

Maksud: “(Allah) Yang Amat Pengasih serta melimpah-limpah rahmatNya. Dialah Yang telah mengajarkan al-Qurān. Dialah Yang telah menciptakan manusia. Dialah Yang telah mengajarnya pandai berbicara.” (Basmieh, 2022).

Berdasarkan ayat al-Qurān dari surah al-Rahmān tersebut, Ibnu Zaid berpandangan bahawa maksud lafaz “*al-bayān*” adalah merujuk kepada kata-kata, manakala Al-Shawkānī pula berpandangan bahawa lafaz “*al-bayān*” merupakan kemampuan berkomunikasi (Al-Shawkānī, 1996). Selain itu, dalam al-Qurān juga Allah



SWT menerangkan bahawa kejadian langit dan bumi, serta anugerah kepelbagaian bahasa dan warna kulit merupakan keterangan-keterangan bagi orang yang mempunyai pengetahuan dan kebijaksanaan. Hal ini dinyatakan dalam firman Allah SWT melalui surah al-Rūm (30: 22):

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَلَوْنِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ

لِّلْعَلَمِينَ ﴿٢٢﴾

Maksud: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya (Allah) ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang yang berpengetahuan” (Basmieh, 2022).

Berdasarkan ayat al-Qurān dari surah al-Rūm tersebut, Imam al-Qurthubī memberikan tafsiran “*alsinatikum*” iaitu kepelbagaian bahasa misalnya bahasa Arab, bahasa ,Ajam (bukan Arab), bahasa Turki dan bahasa Rom (Al-Qurthubī, 1988). Menurut Tu‘aimat (2006), bahasa Arab merupakan bahasa dunia yang digunakan sebagai medium komunikasi dan ia dapat dikuasai oleh penutur bukan jati Arab menerusi penekanan aktiviti-aktiviti komunikasi/praktikal berbahasa Arab. Kemahiran berbahasa Arab ini juga merupakan aspek yang berperanan penting untuk memindahkan maklumat, idea dan pengetahuan, sejurus merangsang pemikiran baru dan anjakan paradigma (Mohamad Rofian et al., 2023).



Menurut Muhammad Sabri (2021), dalam konteks pendidikan bahasa Arab di Malaysia, pelbagai institusi pendidikan di negara ini yang menjadikan bahasa Arab sebagai keperluan penting, malah menawarkan kursus-kursus kemahiran bahasa di sesetengah fakulti atau jabatan berkaitan. Hal ini berikutan proses pendidikan bahasa Arab yang berkesan memerlukan kemahiran komunikasi dan interaksi antara pelajar dan guru bagi mencapai hasil pembelajaran berkesan, melatih pelajar agar lebih bersedia untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Nurul Izzati et al., (2021) dalam kajiannya menyatakan bahawa kemahiran komunikasi bahasa Arab yang lemah dalam kalangan pelajar menyukarkan guru untuk berinteraksi dan menyampaikan idea-idea dengan baik, serta pelajar juga kurang memahami kandungan pelajaran yang disampaikan oleh guru.



Hal ini menyokong kajian Siti Salwa et al. (2021), yang berpandangan bahawa kemahiran komunikasi bahasa Arab merupakan kemahiran yang paling tinggi kerana ia memerlukan penguasaan seseorang dalam kemahiran berbahasa. Selain itu, kemahiran ini juga memerlukan kesediaan psikologi dalam diri seseorang untuk berkomunikasi dalam bahasa kedua atau asing secara spontan dan fasih (Alrabai, 2022). Namun begitu, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab menjadi kurang berkesan disebabkan beberapa faktor seperti pelajar mengalami kebimbangan bahasa, malu untuk bertutur di kelas atau di luar kelas, penggunaan saiz kosa kata bahasa Arab yang berkurangan, persekitaran untuk berbahasa Arab yang kurang kondusif, kurang yakin dan bersedia untuk berbahasa Arab, bahan bantu mengajar (BBM) yang tidak mencukupi dan lain-lain (Almelhes, 2024b; Nur Arifah & Muhammad Sabri, 2021; Ibrahim, 2021; Nurul Izzati et al., 2021; Nur Nabilah & Radhwa, 2020; Mohd Salihin Hafizi et al., 2020).





Sebagaimana di Malaysia, pendidikan bahasa Arab pelajar diperolehi secara formal bermula dari pendidikan di peringkat prasekolah seperti tadika, seterusnya pendidikan peringkat rendah dan menengah di sekolah, serta pendidikan peringkat tinggi di kolej, IPT atau pusat-pusat bahasa yang menawarkan kelas-kelas intensif atau kursus-kursus bahasa Arab. Penguasaan pelajar dalam bahasa tersebut merangkumi penguasaan kemahiran reseptif (*input*) dan kemahiran produktif (*output*). Kemahiran reseptif termasuk kemahiran mendengar (*Mahāraṭ al-Istimāʿ*) dan membaca (*Mahāraṭ al-Qirāʾat*) dan kemahiran produktif termasuk kemahiran menulis (*Mahāraṭ al-Kitābat*) dan kemahiran berkomunikasi (*Mahāraṭ al-Muhādathat*).

Walau bagaimanapun, kurikulum bahasa Arab di Malaysia lebih menitikberatkan kemahiran reseptif iaitu mendengar dan kemahiran produktif iaitu perbualan dalam bahasa Arab, berikutan bahasa secara asalnya berfungsi sebagai medium komunikasi dan interaksi antara manusia (Nik Mohd Rahimi, 2000; Al-Nāqat, 1985). Hal ini bertepatan dengan matlamat pembelajaran bahasa kedua iaitu bertujuan untuk menghasilkan komunikasi yang asli antara individu yang berlatar belakang bahasa dan budaya yang berbeza (MacIntyre et al., 2001). Beberapa kajian terdahulu menyatakan bahawa kebanyakan pelajar bahasa Arab di IPT Malaysia kurang mengaplikasi komunikasi dalam bahasa Arab, masih tidak bersedia atau tidak sanggup untuk berkomunikasi/ mempraktik bahasa Arab secara spontan sama ada di konteks universiti mahupun di luar universiti (Muhammad Faris & Abdul Salam, 2023; Siti Salwa et al., 2021; Nurul Izzati et al., 2021; Saipolbarin et al., 2020).





Menurut MacIntyre et al. (1998), faktor utama yang menentukan bahasa kedua atau asing digunakan secara spontan dan kerap adalah kesediaan atau kesanggupan seseorang untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Kesediaan untuk Berkomunikasi (KUB) dikenali dengan *Willingness to Communicate* (WTC) dalam bahasa Inggeris merupakan kesediaan/kesanggupan untuk melibatkan diri dalam komunikasi dengan menggunakan bahasa kedua atau asing pada waktu tertentu dengan individu-individu tertentu. KUB dipengaruhi beberapa faktor psikologi seperti personaliti, keyakinan komunikasi, kompetensi komunikasi, motivasi dan lain-lain, serta faktor bukan psikologi seperti situasi, persekitaran, konteks dan lain-lain. Oleh itu, usaha yang berterusan perlu dijalankan untuk meningkatkan KUB pelajar berdasarkan faktor-faktor psikologi dan bukan psikologi tersebut.



Lei et al. (2023), pula berpandangan bahawa persekitaran digital membantu pelajar mengatasi isu kebimbangan bahasa, meningkatkan keyakinan komunikasi serta KUB dalam bahasa kedua. Lee dan Chiu (2023) yang menyokong pendapat Lei et al. (2024) juga menyatakan bahawa aplikasi digital memberi implikasi dan kesan yang besar terhadap KUB pelajar dalam bahasa kedua atau asing. Selain itu, beberapa kajian terkini mendapati persekitaran kondusif untuk berbahasa Arab dapat diwujudkan dalam sesi PdP yang lebih interaktif dan menarik berbantuan multimedia (Badariah et al., 2024; Norazman & Saipolbarin, 2024; Nur Najhah Akmal & Muhammad Sabri, 2020), penggunaan BBM berbantuan multimedia interaktif perlu diperluaskan dalam PdP bahasa Arab bagi memupuk amalan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar (Alzubi, 2023; Asma & Nursilah, 2020) dan mewujudkan persekitaran yang menyeronokkan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan penggunaan kit





media, aplikasi mudah alih berbentuk permainan digital atau android untuk pembelajaran bahasa Arab (Muhamad Khairul Anuar et al., 2024; Mohamad Lukman Al Hakim et al., 2023b; Ghazali et al., 2023; Alif Fahmi et al., 2021; & Abuhassna & Awaie, 2021).

Berdasarkan laporan *StatCounter Global Stats* (2024), aplikasi android masih menjadi tumpuan global dengan kadar pasarannya iaitu 71.17%, berbanding aplikasi *iPhone Operating System* (IOS) iaitu 28.33%. Aplikasi ini juga merupakan platform yang mendominasi di kebanyakan negara, seperti Brazil, Iran, Turki, China, Indonesia dan India. Mohd Firdaus et al., (2021) pula menyatakan bahawa 98.1% pelajar IPT di Malaysia mempunyai android untuk kegunaan harian. Ini berikutan fungsi aplikasi ini yang mesra pengguna, kos yang rendah dan mudah untuk mengakses pelbagai ilmu dan maklumat.



Namun begitu, pemanfaatan aplikasi ini masih terhad dan perlu diperluaskan dalam konteks PdP kemahiran komunikasi bahasa Arab (Alif Fahmi et al., 2024; Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2023; Hazrati et al., 2023). PdP kemahiran berkomunikasi bahasa Arab juga memerlukan anjakan paradigma dengan mengaplikasi strategi pembelajaran yang lebih inovatif seperti pembelajaran berasaskan multimedia interaktif. Oleh itu, pelbagai usaha dan inisiatif dijalankan oleh para sarjana, pensyarah dan guru untuk menambah baik dan meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran komunikasi dengan cara yang lebih interaktif.

Penggunaan *Information, Communication and Technology* (ICT) dalam pendidikan bahasa Arab juga merupakan usaha memperkasakan bahasa dunia ini ke arah





melahirkan golongan profesional yang berkompeten dalam komunikasi bahasa Arab. Hal ini selaras dengan usaha Malaysia untuk mengubah pendidikan ke arah pelaksanaan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkesan dalam pembelajaran, memastikan pendidikan negara maju dan berdaya saing di peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2015). Pendidikan global yang berkembang begitu pesat juga memacu revolusi ke arah pemeraksanaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), serta penggunaan teknologi yang optimum dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) sejajar Revolusi Industri (RI) 4.0. Antaranya dengan peningkatan teknologi automasi seperti penggunaan robot, kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI), teknologi nano, *blockchain* dan lain-lain (Mohd Iskandar, 2021).



Hasil revolusi ini, Malaysia juga turut mengorak langkah dengan memperkenalkan pelbagai inovasi pendidikan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuklah pembelajaran berasaskan multimedia interaktif. Multimedia interaktif mengaplikasi gabungan multimedia seperti audio, teks, imej dan lain-lain sebagai medium pengajaran, membolehkan pelajar berinteraksi, memberi maklum balas dan melibatkan diri dalam PdP secara aktif (Shahzad et al., 2021; Mayer, 2009). Ia berperanan penting dalam merevolusikan pendidikan dengan teknologi dan inovasi, memupuk amalan pembelajaran aktif bagi mencapai keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam konteks PdP, penggunaan BBM berunsur multimedia interaktif dapat memberi cetusan idea yang kreatif, memotivasikan pelajar dan menarik minat pelajar untuk menguasai pembelajaran, di samping mempertingkatkan mutu pengajaran



menggantikan kaedah pengajaran konvensional (Rabaah et al., 2021). Pembelajaran ini juga memberi alternatif kepada golongan pendidik agar dapat mengaplikasi kaedah dan pendekatan pengajaran multimedia bagi menggalakkan proses PdP berlaku secara menarik dan interaktif. Pembelajaran multimedia interaktif juga menyokong penglibatan yang aktif dalam kalangan pelajar di kelas pembelajaran, mempraktikkan kemahiran berbahasa dan memupuk amalan pembelajaran berpusatkan pelajar menggantikan kaedah pengajaran tradisional.

Menurut Norafini et al. (2023), penggunaan multimedia dalam PdP bahasa Arab dapat meningkatkan prestasi pelajar, di samping mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan. Antara BBM bahasa Arab berasaskan multimedia contohnya penggunaan platform E-pembelajaran, kit media, laman web pendidikan, *Massive Open Online Course* (MOOC), pembelajaran melalui aplikasi seperti aplikasi permainan atas talian, E-pembelajaran melalui teknologi realiti maya atau *virtual reality* (VR) (Al-Bus'aidi, 2021), aplikasi pembelajaran berbantuan telefon pintar dan perisian pendidikan (Mohammad Najib & Saipolbarin, 2024; Mohd Fauzi et al., 2024; Ghazali et al., 2023; Furoidah & Jum'ah, 2022; Hazrati et al., 2022; Alif Fahmi et al., 2021; Nur Arifah & Muhammad Sabri, 2021; Ahmad Zaki et al. 2021; Saipolbarin et al., 2020).

Nor Asidah dan Zurina (2024) menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran yang interaktif, berpusatkan pelajar dan memberi implikasi terhadap prestasi pelajar dapat diwujudkan dengan pembelajaran berbantuan multimedia seperti animasi. Selain itu, Nikmatul et al. (2022), juga berpendapat bahawa antara kesan positif pembelajaran bahasa Arab berbantuan multimedia terhadap pelajar seperti peningkatan aspek motivasi

pembelajaran, mengurangi isu kebimbangan bahasa, merangsang minat, malah memberi kesan yang positif terhadap aspek-aspek psikomotor, afektif dan kognitif pelajar dalam proses PdP. Di samping itu, kemahiran komunikasi bahasa Arab juga dapat dipertingkatkan dalam kalangan pelajar dengan berbantuan multimedia seperti kit media pengajaran (Riwanda et al., 2024).

Pembelajaran berasaskan multimedia interaktif seperti kit pengajaran dalam kemahiran komunikasi bahasa Arab dapat memberikan alternatif baru kepada pelajar dalam meningkatkan tahap komunikasi dan KUB bahasa Arab, membantu para pendidik dan pelajar mencetus idea-idea untuk menghasilkan produk inovasi pendidikan, sejurus meningkatkan keberkesanan proses PdP kemahiran komunikasi bahasa Arab di peringkat IPT. Selain itu, pembelajaran ini juga dapat memupuk amalan pembelajaran sendiri dan berdaya saing dalam kalangan pelajar, seterusnya mempersiapkan pelajar dan pendidik untuk mendepani cabaran pendidikan global dan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21). Oleh itu, berdasarkan perbincangan- perbincangan tersebut, terdapat keperluan penting untuk menambah baik penguasaan kemahiran komunikasi dan KUB bahasa Arab pelajar dengan berbantuan aplikasi yang menepati kurikulum IPT dan mudah dicapai oleh pelajar atau sasaran pengguna.

1.3 Pernyataan Masalah

Keperluan pembangunan kit *E-Muḥādathat* untuk meningkatkan KUB pelajar dalam bahasa Arab adalah berasaskan beberapa isu dan permasalahan pelajar dalam komunikasi



bahasa Arab. Berdasarkan kajian-kajian lepas, para pelajar IPTA di Malaysia didapati kurang mengaplikasikan komunikasi bahasa Arab secara berkesan disebabkan persekitaran yang kurang kondusif untuk berbahasa Arab (Mohamad Rofian et al., 2024; Muhammad Faris & Abdul Salam, 2023; Mohd Salihin Hafizi et al., 2020). Persekitaran atau situasi untuk berkomunikasi dalam bahasa kedua memainkan peranan penting dalam meningkatkan keyakinan untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Hal ini disokong oleh kajian Kirkpatrick et al., (2024) yang menyatakan bahawa persekitaran digital mampu mengurangkan isu tekanan dan kebimbangan bahasa, serta meningkatkan KUB pelajar dalam bahasa kedua atau asing.

Hal yang demikian juga dinyatakan dalam kajian Muhammad Helmi dan Mohammad Taufiq (2024) bahawa persekitaran berbahasa Arab dapat diwujudkan dengan sokongan dan bimbingan guru yang berkemahiran untuk berkomunikasi dalam bahasa sasaran tersebut dengan pelbagai teknik, seperti penggunaan *Lughat al-Fasli*. Selain itu, persekitaran berkomunikasi dalam bahasa Arab juga dapat diwujudkan sama ada dalam konteks di bilik kuliah atau di luar bilik kuliah, melalui galakan dan peluang-peluang yang diberikan pelajar untuk mempraktikkan bahasa Arab dengan penutur asli Arab iaitu pensyarah atau rakan Arab. Menurut Anuar (2024), persekitaran berkomunikasi dalam bahasa Arab sangat diperlukan pelajar IPT bagi meningkatkan keyakinan dan kecekapan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab, antaranya melalui program luar universiti seperti program *Jaulat ,Arabiyyat*.

Antara permasalahan lain seperti isu BBM bahasa Arab khususnya pembelajaran komunikasi bahasa Arab yang kurang mencukupi (Nurul Izzati et al., 2021). Menurut





Badariah et al., (2024), penggunaan BBM berbentuk kit media digital merupakan alternatif yang perlu diperluaskan dalam kalangan guru bahasa Arab bagi mewujudkan suasana PdP yang menyeronokkan, interaktif dan berpusatkan pelajar. Hal ini juga memberi impak yang besar terhadap psikologi, prestasi dan pencapaian pelajar dalam merangsang idea yang kreatif dan inovatif, mewujudkan persekitaran PdP yang menarik dan interaktif, malah mencapai matlamat keberkesanan dan kualiti PdP dalam bahasa Arab. Penggunaan BBM dalam PdP bahasa Arab juga memupuk budaya pembelajaran sendiri atau heutagogi dalam kalangan pelajar universiti (Siti Rahmah & Saipolbarin, 2021; Samin et al., 2020).

Pembelajaran sendiri atau heutagogi berbantuan teknologi atau multimedia memerlukan kemudahan akses internet agar membolehkan pelajar memperoleh sumber pembelajaran secara fleksibel tanpa had masa dan tempat. Namun begitu, pendekatan seperti ini dalam PdP bahasa Arab masih di peringkat sederhana dan perlu diperluas kepada pelajar IPT Malaysia (Fuad & Al- Yahya, 2022; Mohammad Taufiq et al., 2022; Nur Arifah & Muhammad Sabri, 2021; Mohd Firdaus et al., 2021; Hamid & Fatimah, 2020; Amanee et al., 2020; Asma & Nursilah, 2020).

Di samping itu, penggunaan kit media bahasa Arab yang dibangunkan juga kurang menekankan reka bentuk simulasi dialog dan permainan bagi dapat meningkatkan motivasi serta melatih komunikasi bahasa Arab secara berkesan (Bashasunnahar, 2022; Mohd Nabil et al., 2022; Asma & Nursilah, 2020). Menurut Thian et al. (2021), pendekatan PdP berasaskan komputer melalui strategi pembelajaran dengan simulasi, tutorial, latihan tubi, permainan dan penyelesaian masalah memberi kesan yang positif





dalam merangsang minat dan motivasi pelajar, memberi impak terhadap prestasi pembelajaran, menyokong pembelajaran yang interaktif dan berpusatkan pelajar serta mencapai objektif pembelajaran. Namun begitu, pembangunan dan penilaian BBM yang menggunakan strategi-strategi pembelajaran tersebut perlu diperluaskan kerana masih terhad dalam konteks PdP kemahiran komunikasi bahasa Arab.

Tambahan lagi, komunikasi bahasa Arab pelajar IPT juga kurang diaplikasikan dalam konteks di universiti dan luar universiti disebabkan kelemahan kemahiran komunikasi, pertuturan dan KUB bahasa Arab dalam kalangan pelajar bahasa Arab di IPT (Siti Rahmah et al., 2023c; Haryati et al., 2022; Mohd Salihin Hafizi et al. 2020). Halangan-halangan komunikasi ini disebabkan faktor dalaman dan faktor luaran. Antara faktor dalaman seperti malu, takut diejek dan diketawakan semasa bercakap bahasa Arab, kebimbangan bahasa (Nurul Amalia et al. 2022; Siti Salwa et al., 2021), kurang keyakinan dan motivasi untuk berkomunikasi bahasa Arab (Nadhilah & Kamarul Shukri, 2018; Al-Maghrawi, 2017), kurang minat dalam pembelajaran bahasa Arab (Md Noor et al., 2017), kecekapan bertutur bahasa Arab yang rendah (Azimah, 2022; Masyitoh et al., 2018) dan kaedah pembelajaran bahasa Arab yang kurang menarik (Hamadallah et al., 2019; Saipolbarin et al., 2019; Abdul Razif et al., 2019; Saipolbarin et al., 2017; Abdul Razif & Mohd Zaki, 2017).

Manakala faktor luaran yang mempengaruhi komunikasi pelajar dalam bahasa Arab seperti kekurangan kosa kata dan masalah tatabahasa Arab (Anuar, 2024; Mohammad Taufiq et al., 2022; Mohammad Taufiq, 2021), gagal memahami ayat bahasa Arab (Nur Iylia et al., 2024; Muhammad Faris & Abdul Salam, 2023), persekitaran yang





kurang kondusif untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab, pelajar kurang peluang yang mencukupi untuk berlatih dan mempraktikkan bahasa Arab (Nuraisyatul Khalilah & Sueraya, 2024; Fatin Izati & Khadijah, 2022).

Menurut Muhammad Sabri (2021), bahasa Arab memainkan peranan yang penting dalam komunikasi antarabangsa dan bidang profesional seperti media massa, penyiaran, terjemahan dan sebagainya. Ia bukan sahaja bahasa yang penting kepada penganut beragama Islam, bahkan ia digunakan secara meluas di peringkat global. Hal ini menyokong pandangan Muhammad Farhan et al., (2021) yang menyatakan bahawa perkembangan bahasa Arab di peringkat global turut memberi impak yang besar dalam bidang profesional seperti melahirkan doktor, saintis dan jurutera yang mempunyai kepakaran dalam bidang sains dan teknologi. Ia juga memberi kesan yang signifikan terhadap perkembangan pendidikan bahasa Arab di IPT Malaysia. Justeru, melihat kepada kepentingan bahasa Arab di peringkat global, para pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPT seharusnya mempunyai kompetensi komunikasi dan lebih bersedia untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut.

Lantaran itu, kajian ini bermatlamat untuk membangunkan kit media pendidikan (kit *E-Muḥādathat*) versi aplikasi android sebagai pendekatan alternatif dalam PdP bahasa Arab di peringkat universiti. Ia menerapkan elemen pembelajaran melalui simulasi dialog, latihan tubi, permainan dan kamus atas talian serta media sosial untuk digunakan sebagai aktiviti pembelajaran dalam kursus Kemahiran Bahasa Arab (*al-Mahārat al-Lughawiyyat*) atau kursus-kursus yang berkaitan kemahiran komunikasi/bertutur dalam bahasa Arab. Selain itu, kit ini juga dapat memudahkan



pelajar untuk mempelajari, memahami dan mempraktik dialog dalam tiga bahasa iaitu bahasa Arab, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, serta meningkatkan KUB pelajar dalam bahasa Arab.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan pelajar dalam penguasaan komunikasi dan KUB bahasa Arab, justeru objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti keperluan pembangunan kit *E-Muḥādathat* bagi meningkatkan KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia.
2. Mengeksplorasi pandangan pakar terhadap keperluan pembangunan kit *E-Muḥādathat* dalam meningkatkan KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia.
3. Mereka bentuk dan membangunkan kit *E-Muḥādathat* dalam meningkatkan KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia.
4. Menilai kebolegunaan kit *E-Muḥādathat* dalam meningkatkan KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia menurut konsensus pakar.
5. Menganalisis keberkesanan kit *E-Muḥādathat* terhadap KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia berdasarkan perbezaan kaedah pengajaran.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan isu dan permasalahan kajian yang dijelaskan pada bahagian yang lalu, kajian ini membina persoalan-persoalan kajian seperti di bawah:

1. Apakah keperluan pembangunan kit *E-Muḥādathaṭ* bagi meningkatkan KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia?
2. Apakah pandangan pakar terhadap keperluan pembangunan kit *E-Muḥādathaṭ* dalam meningkatkan KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia?
3. Apakah reka bentuk dan pembangunan kit *E-Muḥādathaṭ* dalam meningkatkan KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia?
4. Apakah penilaian kebolegunaan kit *E-Muḥādathaṭ* terhadap KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia menurut konsensus pakar?
5. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia berdasarkan perbezaan kaedah pengajaran?

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini membangunkan kit *E-Muḥādathaṭ* berpandukan prosedur Model ADDIE lima fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa

penilaian. Oleh itu, kajian ini menggunakan hipotesis bagi menguji keberkesanan kit *E-Muḥādathat* terhadap KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia. Asas pembentukan hipotesis kajian ini adalah berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang menggunakan kajian kuasi-eksperimen dengan pengujian hipotesis bagi menganalisis keberkesanan BBM atau produk pengajaran dalam bahasa kedua (Kim & Su, 2024; Muhamad Lukman Al Hakim et al., 2023b; Nadhif & Premaswari, 2023; Al-Qatawneh et al., 2022; Mohammad Taufiq, 2021; Nor Zahidah, 2021). Oleh itu, keberkesanan kit *E-Muḥādathat* terhadap KUB pelajar dalam bahasa Arab dikenal pasti melalui reka bentuk kajian kuasi-eksperimen dengan pembentukan empat hipotesis nol seperti yang dihuraikan di bawah:

Ho₁: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor praujian pelajar dalam kumpulan kawalan A (kaedah tradisional) dan kumpulan rawatan B (kit *E-Muḥādathat*).

Ho₂: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor praujian dan pascaujian pelajar dalam kumpulan kawalan A (kaedah tradisional).

Ho₃: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor praujian dan pascaujian pelajar dalam kumpulan rawatan B (kit *E-Muḥādathat*).

Ho₄: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor pascaujian pelajar dalam kumpulan rawatan B (kit *E-Muḥādathat*) dan kumpulan kawalan A (kaedah tradisional).

1.7 Kepentingan Kajian

i. Bidang PdP Bahasa Arab

Kajian ini amat penting terhadap perkembangan bidang PdP bahasa Arab di Malaysia, khususnya PdP kemahiran komunikasi bahasa Arab, pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua serta reka bentuk pengajaran dan teknologi. Kajian ini juga dijalankan bagi memberikan alternatif baru terhadap isu dan permasalahan kemahiran komunikasi pelajar IPT di Malaysia dalam proses PdP bahasa Arab, di samping meningkatkan KUB pelajar dalam bahasa tersebut (Nur Iylia et al., 2024).

Selain itu, penilaian kit *E-Muḥādathaṭ* terhadap KUB bahasa Arab pelajar juga memberi signifikan yang besar terhadap aplikasi pedagogi bahasa Arab dan strategi pembelajaran kemahiran komunikasi yang berkesan. Ia juga memberi signifikan dalam bidang inovasi yang mengintegrasikan multimedia interaktif dan teknologi kecerdasan buatan atau AI dalam PdP bahasa Arab (Abdelghani, 2021; Almurayh, 2021), serta merealisasikan matlamat PdP bahasa Arab sejajar dengan kepentingannya dalam bidang profesional dan komunikasi antarabangsa di peringkat global.

ii. Teori dan Reka Bentuk Pengajaran

Kajian ini berperanan penting dalam menyokong perkembangan teori-teori dan reka bentuk pengajaran yang diadaptasi dalam kajian ini seperti Teori Pembelajaran Konstruktivisme, Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia dan Teori Kesyediaan untuk Berkomunikasi dalam Bahasa Kedua (KUB B2) dan

Model ADDIE. Berdasarkan Teori Pembelajaran Konstruktivisme, penggunaan kit *E-Muḥādathat* dapat memupuk penglibatan dan penyertaan pelajar secara aktif dalam kelas pembelajaran, menstrukturkan pengetahuan sedia ada dalam memori pelajar dan membina pengetahuan baru dalam proses PdP komunikasi bahasa Arab (Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2023). Melalui penggunaan kit media ini juga, teori ini menjadi sandaran utama proses PdP yang konstruktif dengan penglibatan pelajar dan kerjasama mereka dengan rakan sebaya untuk menyelesaikan masalah atau tugas, refleksi terhadap pengalaman pembelajaran mereka dan menyumbang kepada hasil pembelajaran yang bermakna.

Selain itu, kajian ini berperanan penting dari sudut keselarian dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada adaptasi teori-teori dan reka bentuk pengajaran, seterusnya menjadi sandaran dalam pembangunan kit media sebagai BBM yang berkesan untuk pelajar IPT, Malaysia. Sebagaimana Teori KUB B2 yang diadaptasi dalam kajian ini, penerapan teori ini dapat meningkatkan pemahaman pendidik berkaitan sikap, motivasi dan tingkah laku pelajar dalam proses persediaan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab (Nor Hafizhoh et al., 2020).

Oleh itu, para pendidik perlu lebih kreatif dan inovatif dalam mewujudkan persekitaran yang dapat memotivasikan pelajar seperti persekitaran digital, agar dapat menggalakkan pelajar mengatasi kebimbangan dan stres bahasa, mengekspresikan pandangan mereka secara bebas, seterusnya meningkatkan KUB bahasa Arab pelajar. Kajian ini juga memberi signifikan terhadap sokongan teori

seperti Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia yang mengintegrasikan elemen-elemen multimedia untuk meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar dan memperoleh hasil pembelajaran bermakna.

Di samping itu, prinsip-prinsip multimedia yang diadaptasi juga membantu penyelidik, para pendidik dan pembangun perisian pendidikan (Mayer, 2022; Mayer, 2021). Ia berperanan penting dalam mereka bentuk BBM berasaskan multimedia yang berkesan dan dapat digunakan untuk pembelajaran bahasa kedua atau asing khususnya bahasa Arab. Antara lain, penggunaan Model ADDIE sebagai prosedur pembangunan kit media juga memberi signifikan dalam mereka bentuk dan membangunkan BBM yang berkesan (Kirembwe et al., 2023).

Model ADDIE yang mempunyai ciri-ciri sistematik dan fleksibel dengan penilaian formatif di setiap fasa memberikan kelebihan untuk menambah baik aplikasi sepanjang ia dibangunkan. Kit media yang dibangunkan juga menjalani kajian rintis dan penilaian pakar melalui teknik *Fuzzy Delphi* bagi mengesahkan teori-teori dan reka bentuk pengajaran yang digunakan. Ia juga merupakan BBM yang berfungsi sebagai alternatif pembelajaran selari dengan PAK-21 dan kerangka Pendidikan 4.0 yang memerlukan pelajar berkemahiran dalam penyelesaian masalah, bekerjasama secara kolaboratif dan dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai konteks pembelajaran.

iii. Universiti/IPTA

Penyelidikan ini memberi signifikan terhadap IPT atau universiti khususnya ISM Bahasa Arab dengan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan umumnya di lapan IPTA Malaysia iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk bersama-sama berganding bahu memperkasakan PdP kemahiran komunikasi bahasa Arab agar melahirkan produktiviti para pelajar atau graduan yang kompeten berkomunikasi bahasa Arab dalam pelbagai konteks secara spontan (Siti Salwa et al., 2021).

Selain itu, pihak universiti juga dapat menjadikan kajian ini sebagai platform rujukan dalam membangunkan BBM berbantuan multimedia seperti kit media, aplikasi dan perisian pendidikan dalam memperkasakan pembelajaran elektronik atau *E-learning* di universiti-universiti. Sebagaimana pendidikan kini yang sejajar dengan RI 4.0, pemanfaatan teknologi perlu dikembangkan dalam proses PdP agar dapat disesuaikan kepada semua peringkat pelajar di universiti sehingga ke peringkat global (Anwar & Ahyarudin, 2023).

Berdasarkan kajian ini, kit *E-Muḥādathat* juga boleh dijadikan BBM dalam PdP kursus Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Arab (*Mahārāt al-Istimā' wa al-Muḥādathat*), kursus Kemahiran-Kemahiran Bahasa Arab (*al-Mahārāt al-Lughawīyyat*) atau sebarang kursus yang berkaitan dengan

komunikasi bahasa Arab terhadap pelajar pengkhususan Bahasa Arab, serta mereka dapat mengakses kit secara dalam talian melalui aplikasi telefon pintar versi android masing-masing. Di samping itu, kajian ini juga membantu pihak universiti dalam melahirkan graduan-graduan ISM Bahasa Arab khususnya di Malaysia yang kompeten, berdaya saing, inovatif dan berkemahiran dalam komunikasi bahasa Arab, sejurus dapat mencapai matlamat kebolehpasaran graduan di seluruh dunia (Kementerian Pendidikan Tinggi [KPT], 2023).

iv. Guru dan Pensyarah Bahasa Arab

Usaha ini dapat membantu para guru dan pensyarah bahasa Arab di universiti untuk mempelbagaikan kaedah dan pendekatan pengajaran agar sejajar dengan PAK-21. Berbanding kaedah pengajaran konvensional atau tradisional yang berpusatkan guru atau pensyarah, pembangunan kit *E-Muḥādathat* ini dapat membantu mereka agar menerapkan amalan pembelajaran sendiri yang berpusatkan pelajar (Mohammad Haafiz & Mohd Khairuddin@Jerry, 2019), selain meningkatkan keyakinan untuk berkomunikasi dan motivasi untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab, serta mengatasi isu kebimbangan bahasa yang acapkali dihadapi pelajar.

Antara lain, kajian pembangunan kit media ini mempunyai signifikan yang besar terhadap golongan pendidik atau pensyarah bagi mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran bahasa Arab yang aktif dan interaktif, melatih para guru dan pensyarah agar berkemahiran dalam mengaplikasi pengajaran dengan berbantuan teknologi multimedia (Mohammad Rusdi et al., 2021), serta

mempelbagaikan kaedah dan pendekatan pengajaran dengan inovasi BBM berbentuk aplikasi digital dalam PdP kemahiran komunikasi bahasa Arab di peringkat universiti (Hazrati et al., 2023).

v. Pelajar Bahasa Arab

Para pelajar khususnya yang mengikuti ISM Bahasa Arab dengan Pendidikan, UPSI dan umumnya di lapan IPTA Malaysia iaitu UKM, UIAM, USIM, UM, UniSZA, UiTM, UPM dan UMK dapat memperoleh manfaat yang besar melalui kajian ini, antaranya membantu mereka untuk berlatih dan mempraktik dialog-dialog bahasa Arab yang betul, membuat persediaan untuk berkomunikasi dengan penutur Arab dan bukan Arab, meningkatkan keyakinan dan motivasi pembelajaran bahasa Arab, seterusnya mengatasi isu kebimbangan bahasa dan memupuk budaya pembelajaran berpusatkan pelajar (Bashasunnahar, 2022).

Pembangunan kit *E-Muḥādathat* ini juga dapat memberikan pendedahan tentang simulasi komunikasi antara pelajar bukan penutur Arab di IPTA Malaysia dengan penutur jati Arab dengan integrasi AI, mempraktik dialog Arab berdasarkan konteks-konteks tertentu (Ibrahim, 2021), mendedahkan pelbagai kaedah pembelajaran seperti pembelajaran melalui permainan, kamus dan media sosial bahasa Arab. Selain itu, inovasi kit media ini juga membantu para pelajar mempraktikkan komunikasi bahasa Arab secara sendiri, seterusnya dapat meningkatkan tahap KUB mereka dalam bahasa tersebut. Hal ini penting bagi menghasilkan modal insan yang berkompentensi dan kompetitif dalam kerjaya antarabangsa khususnya dalam bidang bahasa Arab.

vi. Pengkaji dan Pembangun

Maklumat-maklumat, *input* dan *output* kajian ini memberi signifikan terhadap para pengkaji untuk membangunkan pelbagai alat bantu mengajar (ABM) atau BBM dalam PdP bahasa Arab yang memenuhi keperluan pelajar dan membantu para pensyarah dan guru bahasa Arab (Mohamad Lukman Al Hakim et al., 2024; Mohd Fauzi et al., 2024). Selain itu, ia juga dapat menyumbang kepada pengkaji untuk memperluas skop kajiannya dan dijadikan rujukan tambahan dalam kajian mereka. Tambahan lagi, kajian ini memberi idea kepada pembangun untuk mereka bentuk dan membangunkan pelbagai inovasi berbentuk modul atau model pengajaran, kit media pengajaran atau perisian pendidikan dengan elemen multimedia interaktif.

1.8 Batasan Kajian

Batasan atau limitasi kajian mencakupi beberapa perkara, antaranya seperti berikut:

1. Pembangunan kit *E-Muḥādathaṭ* ini dikhususkan kepada pelajar bukan penutur Arab ISM Bahasa Arab dengan Pendidikan, UPSI dan umumnya kepada pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia yang mengikuti PdP bahasa Arab atau PdP kemahiran komunikasi bahasa Arab, bahasa Arab lisan atau sebarang kursus yang berkaitan komunikasi atau kemahiran bahasa Arab.
2. Pembangunan kit *E-Muḥādathaṭ* disasarkan kepada pengguna aplikasi telefon pintar versi android 7.0 dan ke atas sahaja.

3. Pembangunan kandungan kit *E-Muḥādathat* ini terhad kepada pelajar pengkhususan bahasa Arab di UPSI dan IPTA, Malaysia yang berada di tahap sederhana (*intermediate level*) tahap maju (*advance level*) berdasarkan garis panduan kursus Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Arab, UPSI.
4. Pembangunan kit *E-Muḥādathat* ini menggunakan aplikasi *Flutter* dan *Android Studio*.
5. Pembangunan kandungan kit *E-Muḥādathat* dikhususkan kepada 10 tema dialog atau perbualan bahasa Arab antara pelajar (Ammar dan Aqilah) dengan penutur jati berbangsa Arab di universiti dan di luar universiti sahaja.
6. Populasi kajian ini adalah mengikut dua peringkat fasa iaitu fasa analisis keperluan dan fasa pelaksanaan. Bagi kajian fasa analisis keperluan, populasi kajian ini terdiri daripada pelajar bukan penutur Arab yang mengikuti ISM Bahasa Arab dari sembilan IPTA di Malaysia iaitu UPSI, UKM, UIAM, USIM, UM, UniSZA, UiTM, UPM dan UMK, manakala sampel kajian seramai 203 orang pelajar (UPM, UniSZA, UPSI dan UiTM) dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Selain itu, bagi kajian fasa pelaksanaan (keberkesanan) pula, populasi kajian ini terdiri daripada pelajar bukan penutur Arab yang mengikuti ISM Bahasa Arab dari empat IPTA di Malaysia iaitu UPM, UniSZA, UPSI dan UiTM, manakala 34 orang sampel kajian dari UPSI dipilih menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Populasi kajian ini juga tidak termasuk para pelajar ISM

Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) berikutan kursus bahasa Arab sebagai ISM ini majoritinya ditawarkan di IPTA, Malaysia (Muhammad Sabri, 2021). Selain itu, bagi fasa pelaksanaan (kebolegunaan), sampel kajian juga terdiri daripada 13 orang pakar pelbagai bidang di IPTA dan Institut Pendidikan Guru (IPG), Malaysia.

7. Reka bentuk pengajaran Model ADDIE (Branch, 2014) digunakan dalam pembinaan kerangka konseptual kajian ini dengan beberapa gabungan teori-teori pembelajaran seperti Teori Pembelajaran Konstruktivisme (Piaget, 1973), Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2021) dan Teori Situasi KUB B2 (Kang, 2005; MacIntyre et al., 1998).
8. Skop kajian ini berfokus kepada pembangunan kit media (kit *E-Muḥādathat*), dan keberkesannya terhadap KUB pelajar ISM Bahasa Arab dengan Pendidikan, UPSI Malaysia, serta kebolehgunaannya terhadap 13 orang pakar bidang Bahasa Arab dan bidang-bidang yang berkaitan.
9. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terhad kepada instrumen soal selidik dan soalan protokol temu bual pakar bagi analisis keperluan, praujian dan pascaujian terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan serta soal selidik kebolegunaan kit dengan teknik *Fuzzy Delphi*.
10. Prosedur pengumpulan data pula hanya dijalankan kepada sampel kajian dengan pentadbiran soal selidik terhadap pelajar, temu bual separa berstruktur (pakar), soal selidik kesahan pakar, praujian dan pascaujian melalui platform *Google Meet*, *Screen O'Matic*, *Google Form*, *Padlet* dan *Google Drive*.

11. Penganalisan data kajian menggunakan perisian Ministep.5.1.4.0, SPSS versi 27, ATLAS.ti versi 9 dan *Microsoft Excel*.

1.9 Definisi Operasional

1) Kit *E-Muḥādathat*

Kit media pendidikan yang berasaskan simulasi dialog antara pelajar bukan penutur Arab (Ammar dan Aqilah) dengan penutur jati Arab melalui beberapa konteks perbualan di universiti dan di luar universiti. Model ini dibangunkan berasaskan aplikasi telefon pintar versi android dengan menggunakan aplikasi *Flutter* dan *Android Studio* untuk pengguna android versi 7.0 dan ke atas bagi pembelajaran kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab. Pembangunannya diintegrasikan dengan teknologi AI untuk mengidentifikasi teks kepada suara penutur jati Arab. Sistem komunikasi AI atau lebih khusus, *Natural Language Processing* (NLP) digunakan untuk mengenali suara manusia oleh mesin komputer. Ia berfungsi dalam penjaan suara penutur jati Arab agar dapat memberi pendedahan kepada pelajar situasi-situasi berkomunikasi bersama penutur jati Arab, melatih pelajar untuk mempraktik dialog-dialog bahasa Arab dengan betul dan menggunakannya dalam konteks sebenar.

Selain itu, kandungan kit ini direka bentuk dan dibangunkan dengan lima elemen pembelajaran seperti *E-Dawrah* (simulasi dialog bahasa Arab), *E-Tamrīn* (soalan dan latihan berdasarkan dialog bahasa Arab), *E-Lu'bah*

(permainan bahasa Arab atas talian), *E-Qāmūs* (kamus kosa kata & istilah bahasa Arab) dan *E-Ijtimā'iy* (media sosial bahasa Arab). Kit ini dibangunkan dengan berpandukan tema perbualan dalam pelbagai konteks di universiti dan di luar universiti. Tema perbualan dalam pelbagai konteks ini dibangunkan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang situasi-situasi berkomunikasi dengan penutur jati Arab, agar dapat dipraktikkan dalam konteks sebenar dan meningkatkan tahap KUB pelajar dalam bahasa Arab.

Selain itu, reka bentuk kandungan kursus (*E-Dawrah*) dalam kit ini memuatkan 10 simulasi dialog dengan penutur jati Arab dalam pelbagai konteks antaranya seperti, pengenalan dan kata sapaan dalam bahasa Arab, bertanya soalan kepada pensyarah Arab, bertemu dengan rakan Arab, jemputan makan oleh rakan Arab, berbual berkaitan sukan dengan rakan Arab, menerima pelawaan pembayaran makanan oleh rakan Arab, bertanya arah dengan pengawal keselamatan Arab, membeli-belah di kedai Arab, memohon latihan amali di syarikat Arab dan temu duga pekerjaan dalam bahasa Arab.

2) Multimedia Interaktif

Multimedia interaktif merangkumi integrasi elemen multimedia (imej, teks, audio dan video) dalam PdP dengan berkonsep interaktiviti antara guru dan pelajar bagi memudahkan pemahaman dan mencapai keberkesanan dalam PdP (Mayer, 2024; Mayer, 2022). Menurut Mayer (2021), penggunaan istilah multimedia dapat ditakrifkan sebagai penyampaian bahan-bahan pembelajaran dengan menggunakan medium seperti perkataan (verbal) dan gambar (piktorial).

Dalam kajian ini, multimedia interaktif diterapkan dalam pembangunan kit *E-Muhādathat* dan pelaksanaan kajian kuasi-eksperimen terhadap kumpulan rawatan dalam kursus Kemahiran Bahasa Arab (KBA) 3. Para pelajar didedahkan dengan pengajaran berbantuan kit *E-Muhādathat* mengikut kandungan/modul pembelajaran yang telah dibangunkan dalam kit, di samping tugas-tugas dan latihan pengukuhan yang disediakan oleh penyelidik. Pengajaran berbantuan multimedia interaktif ini dapat mewujudkan persekitaran yang interaktif dalam PdP kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab, selain dapat meningkatkan motivasi pembelajaran dan KUB pelajar dalam bahasa Arab.

3) Pembelajaran Konvensional

Menurut Safura dan Helmanda (2022), pembelajaran konvensional atau dikenali pembelajaran tradisional mempunyai ciri-ciri pembelajaran berpusatkan guru, bersifat pasif, kurangnya interaksi dan tidak wujud kelompok kooperatif antara pelajar. Kaedah ini menggunakan kaedah syarahan dan penerangan daripada tenaga pengajar, seterusnya pelajar mendengar dan mencatatkan penerangan tersebut, di samping pembahagian tugas dan latihan juga diberikan kepada pelajar secara individu (Mohd Ashraaf & Shahlan, 2022). Kajian ini menggunakan kaedah pembelajaran konvensional atau tradisional yang berpusatkan pensyarah terhadap kumpulan kawalan iaitu KBA 1 dalam kursus Kemahiran Bahasa Arab, UPSI. Dalam kelas ini, tenaga pengajar yang merupakan fasilitator menggunakan modul pembelajaran kit versi pdf dan *slide PowerPoint* sepanjang PdP kursus Kemahiran Bahasa Arab selama empat minggu. Di samping

itu, pelajar turut diberikan tugas dan latihan untuk mengukuhkan kefahaman terhadap kandungan pelajaran.

4) Pembelajaran Kendiri

Pembelajaran sendiri atau *self-determined learning*, (heutagogi) merujuk kepada autonomi atau kemandirian pelajar untuk mempelajari, memahami dan mempraktik pembelajaran secara sendiri. Ia menyokong pembelajaran berpusatkan pelajar bagi menggantikan pembelajaran konvensional dengan bimbingan minimum dari pihak guru (Blaschke, 2012). Siti Rahmah dan Saipolbarin (2021), serta Samin et al., (2020) menyatakan pendapat bahawa penerokaan pelajar terhadap pembelajaran mereka secara mendalam dan autonomi pelajar dalam merungkai setiap persoalan dalam pembelajaran merupakan fokus utama pembelajaran heutagogi.

Pembelajaran ini mempunyai beberapa kelebihan seperti, memupuk amalan pembelajaran berpusatkan pelajar, bersikap positif terhadap pembelajaran tanpa bergantung secara majoriti terhadap penyampaian guru dalam proses PdP, mengembangkan daya ingin tahu dalam kalangan pelajar dengan aspek autonomi, dan melatih pelajar untuk fokus terhadap kemampuan mereka dalam mencapai matlamat. Pendekatan pembelajaran sendiri dalam kajian ini diaplikasi dalam kursus KBA 3 yang mewakili responden pelajar kumpulan rawatan. Pembelajaran ini juga menggunakan kit *E-Muḥādathat* yang merangkumi lima elemen pembelajaran iaitu pembelajaran berasaskan simulasi dialog, latih tubi, permainan dan kamus atas talian serta media sosial bahasa

Arab, di samping tenaga pengajar berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing pelajar dalam proses PdP sepanjang proses intervensi kajian.

5) KUB Pelajar dalam Bahasa Arab

KUB dalam konteks kajian ini merujuk kepada kesediaan atau kesanggupan pelajar untuk berkomunikasi dalam pelbagai konteks perbualan, di universiti atau di luar universiti dengan menggunakan bahasa Arab. Konsep KUB ini diperkenalkan pertama kali oleh McCroskey dan Baer (1985) dalam bahasa pertama dan diperluaskan dalam bahasa kedua oleh MacIntyre et al. (1998) dan MacIntyre et al., (2002). KUB merangkumi faktor-faktor tret personaliti yang berkait rapat dengan psikologi seperti keyakinan komunikasi, postur antarabangsa, kompetensi komunikasi, motivasi, sikap, kebimbangan komunikasi dan sebagainya.

Selain itu, faktor-faktor situasi/konteks juga memberi kesan terhadap KUB pelajar seperti ekologi, persekitaran, jenis tugas, orientasi kelas dan lain-lain. Antara lain, KUB juga berhubung kait dengan faktor-faktor kemahiran linguistik seperti pencapaian bahasa, penguasaan bahasa dan sebagainya. Dalam kajian ini, situasi KUB persekitaran digital direka bentuk dalam kit dan diuji kesannya terhadap pelajar ISM Bahasa Arab dengan Pendidikan, UPSI dengan perbezaan kaedah pengajaran iaitu kaedah pengajaran tradisional dan kaedah pengajaran berbantuan kit *E-Muḥādathaṭ*.

6) Pelajar ISM Bahasa Arab IPTA Malaysia

Pelajar ISM Bahasa Arab di universiti awam Malaysia iaitu pelajar bukan penutur Arab yang mengikuti ISM Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Ia meliputi sembilan IPTA iaitu UKM, UIAM, UM, UPSI, UniSZA, USIM, UPM, UiTM dan UMK. Antara program-programnya seperti ISM Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua, ISM Pendidikan Bahasa Arab dan ISM Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (Muhammad Farhan et al., 2021; Nor Zahidah 2021; Mavidlotun & Syamsul, 2020; Majdi & Akmal Khuzairy, 2018). Program ini ditawarkan kepada pelajar lepasan pendidikan sekolah menengah yang bermatlamat untuk memdalami bahasa kedua atau asing ini di peringkat pengajian yang lebih tinggi (*Malaysian Qualifications Agency-MQA*, 2020).

Kajian ini melibatkan para pelajar ISM Bahasa Arab di empat IPTA Malaysia iaitu UPM, UniSZA, UPSI dan UiTM bagi mengenal pasti keperluan pembangunan kit *E-Muḥādathat* terhadap KUB pelajar dalam bahasa Arab. Keberkesanan kit pula diuji terhadap dua kumpulan pelajar dengan perbezaan kaedah pengajaran (pengajaran berbantuan modul kit PDF dan kit *E-Muḥādathat*). Responden pelajar tersebut adalah terdiri daripada pelajar ISM Bahasa Arab dengan Pendidikan Tahun 1, UPSI yang dipilih menggunakan persampelan rawak mudah.

7) Kebolegunaan

Menurut Mariam et al., (2024), kebolegunaan bermaksud keupayaan yang diukur dalam sesebuah produk yang dibangunkan dan ia menjadi kegunaan

kepada sasaran pengguna produk. Dalam kajian ini, penilaian kebolegunaan kit *E-Muḥādathaṭ* dijalankan melalui pengumpulan data soal selidik 13 orang pakar reka bentuk pengajaran dan teknologi, bidang pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, serta lain-lain bidang yang berkaitan.

Instrumen kebolegunaan kit ini diadaptasi dari Wan Ab Aziz et al., (2021a) dan Lewis (1992) yang merangkumi kebolegunaan sistem, kualiti informasi dan kualiti antara muka. Penilaian kebolegunaan kit ini pula dijalankan terhadap responden pakar dengan pendekatan analisis teknik *Fuzzy Delphi*. Teknik analisis ini mengumpulkan kesepakatan atau konsensus pakar dalam menentukan dan menilai kebolegunaan kit *E-Muḥādathaṭ* terhadap KUB bahasa Arab pelajar ISM Bahasa Arab di IPTA, Malaysia.

Antara kekuatan teknik ini seperti penggunaannya lebih efektif dan mampu memberikan penyelesaian terhadap masalah ketidakpastian atau kekaburan dalam memahami sesuatu isu kajian (Saedah et al., 2021; Zarina & Azizah, 2020), menjimatkan masa dan kos dengan pengurangan pusingan konsensus pakar, di samping memberi peluang kepada pakar untuk menyatakan pandangan profesional mereka secara individu (Sanura et al., 2022; Sukor et al., 2021; Mohd Ridhuan & Nurulrabihah, 2020).

8) Keberkesanan

Keberkesanan bermaksud prestasi akademik pelajar atau hasil skor pencapaian ujian yang diperolehi oleh subjek kajian selepas tempoh intervensi (Siti Sarah &

Lilia, 2021). Penilaian keberkesanan dalam kajian ini menggunakan instrumen praujian dan pascaujian oleh Friensen dan Recine (2021), serta KUB bahasa kedua oleh MacIntyre et al., (1998). Di samping itu, Rubrik KUB Bahasa Arab digunakan dari adaptasi kajian-kajian lepas (Harris, 1974; MacIntyre et al., 1998) bagi memperoleh skor pencapaian KUB bahasa Arab pelajar dengan penilaian peratusan (0-100%). Berdasarkan skor pencapaian KUB pascaujian (responden kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan) yang berbeza secara signifikan, maka kit *E-Muḥādathat* dapat dikenal pasti memberi kesan terhadap KUB bahasa Arab pelajar.

1.10 Rumusan

Persekitaran pembelajaran yang kurang kondusif, kurang interaktif dan komunikatif dalam PdP komunikasi bahasa Arab menyebabkan pelajar kurang bermotivasi dalam pembelajaran, kurang yakin dan bersedia untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Oleh itu, pendekatan pengajaran yang lebih kreatif dan inovatif dengan berasaskan multimedia interaktif seperti kit media digital perlu dijalankan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran bahasa Arab yang interaktif dan menarik, membantu para pelajar menangani isu keseimbangan bahasa, kurang bermotivasi dalam pembelajaran, kurang kompetensi komunikasi dan KUB dalam bahasa Arab, serta membantu pensyarah mempelbagaikan teknik/strategi pengajaran untuk menghasilkan PdP komunikasi bahasa Arab yang berkualiti dan berkesan.



Bab ini juga merumuskan gambaran awal berkaitan kajian pembangunan kit *E-Muḥādathaṭ* yang merupakan alternatif PdP kemahiran komunikasi bahasa Arab atau sebarang kursus berkaitan komunikasi bahasa Arab terhadap pelajar pengkhususan Bahasa Arab dengan Pendidikan, UPSI dan juga sebagai platform rujukan di lapan IPTA Malaysia lain, seperti di UM, UPM, UIAM, UKM, UniSZA, UPSI, USIM, UiTM dan UMK. Justeru, penyelidik menjadikan bab ini sebagai panduan utama terhadap kajian pembangunan kit *E-Muḥādathaṭ* untuk pembelajaran komunikasi bahasa Arab di peringkat IPT dan penilaian kebolegunaan serta keberkesanannya terhadap KUB pelajar bahasa Arab.



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan lapan bahagian utama yang menjadi asas sokongan yang menunjangi kajian ini. Dalam bahagian pertama, bab ini membincangkan tentang tiga teori utama yang mendasari kajian pembangunan kit *E-Muḥādathat* iaitu Teori Pembelajaran Konstruktivisme (Piaget, 1973), Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2021), Teori Situasi KUB B2 (Kang, 2005; MacIntyre et al., 1998), selain reka bentuk pengajaran Model ADDIE (Branch, 2014) sebagai prosedur pembangunan kit, rasional pemilihan teori dan reka bentuk pengajaran, serta kerangka teori kajian. Seterusnya, bahagian kedua merupakan perbincangan berkaitan pendidikan bahasa Arab di IPT Malaysia, manakala bahagian ketiga berkaitan PdP kemahiran komunikasi bahasa Arab di Malaysia dan luar negara, serta hubung kaitnya dengan kajian ini.

Selanjutnya, bahagian keempat berkaitan PdP bahasa Arab berbantuan teknologi/multimedia di Malaysia dan luar negara, serta hubung kaitnya dengan